

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2017

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dari sumber mana wang untuk membiayai pembelian kapal-kapal terbang Boeing daripada Amerika Syarikat dan bagaimana kapal-kapal terbang tersebut disewa atau dipajak kepada Malaysia Airlines supaya prestasi kewangan MAS tidak akan dibebankan lagi dengan kos sebegitu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Malaysia Airlines Bhd (MAB) kini beroperasi dengan 54 buah pesawat Boeing 737-800, 15 buah pesawat Airbus A330-300 dan 6 buah pesawat Airbus A380. Pertumbuhan pesat

khususnya bagi penerbangan antarabangsa memerlukan tambahan pesawat untuk tahun 2018 dan 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat merupakan *non-binding Memorandum of Understanding (MOU)* dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan mengenai pesawat dibuat oleh syarikat. Selaras dengan perancangan pengembangan operasi ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi Amerika Syarikat, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) yang berupaya terbang jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam melalui penggunaan pesawat Boeing 737 MAX 10 dan 7 hingga 13 jam melalui penggunaan pesawat Boeing 787-9 yang lebih *flexible*. Pesawat-pesawat berkenaan mempunyai kecanggihan dari segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien dalam penggunaan minyak dan bahan api.